



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 30 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI GALAK SWASTA CEBURI INUSTRI BENIH, BISNES, HM-23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4. 5. 6.	LULUS TENDER SYARIKAT IPAR, LOKAL, HM-9 TAK MENGAJU LULUSKAN TENDER ADIK IPAR, RASUAH BUSTERS, SH-14 DIDAKWA LULUSKAN TENDER ADIK IPAR, NEGARA, KOSMO-11 OFFICER DENIES APPROVING TENDER RELATIVE'S FIRM, HOME, BORNER POST-6 UNDANG PADAH GUNA PUKAT TUNDA, NEGARA, KOSMO-14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	WARGA ASING KUASAI LADANG SAYUR, MUKA DEPAN, UM-1 HASIL TANAMAN SAYUR LUMAYAN, DALAM NEGERI, UM-10 HARGA DIJUAL MURAH, DALAM NEGERI, UM-10 WARGA ASING KUASAI LADANG SAYUR, DALAM NEGERI, UM-10 PGA RAMPAS BERAS BASMATHI PUSA RM2.5 JUTA, NEGARA, KOSMO-16 PGA RAMPAS 26 TAN BERAS BERNILAI LEBIH RM 2.6 JUTA PGA RAMPAS BERAS SELUDUP RM 2.56 JUTA, NASIONAL, BH-6 PGA RAMPAS 26 TAN BERAS BERNILAI LEBIH RM2.6 JUTA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH-21 GROWING JOBS FOR THE HOMELESS, STAR METRO, THE STAR-1 SOME OF THE HOMELESS NOT SHOWING INTEREST IN TAKING FARMING, STAR METRO, THE STAR-3 DUTY NOT PAID, MUKA DEPAN, THE SUN-1 SELUDUP BERAS INDIA RM2.56 JUTA, LOKAL, HM-13 REZEKI KHUWARIZMI HASIL PENTERNAKAN ARNAB, VARIA, KOSMO-22 MENUAI PADI BUKIT BAGAI PESTA, GAYA TANI, UM-24 & 25	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Mafi galak swasta ceburi industri benih

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menggalakkan pembabitan syarikat swasta lain dalam industri benih sebagai satu pelaburan yang boleh diceburi dan mampu memberi pulangan yang besar.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, industri benih tanaman mempunyai potensi untuk dibangunkan syarikat tempatan bagi menampung bekalan dalam negara.

Katanya, Mafi dan pemain industri juga harus terus bekerjasama untuk membangunkan industri benih di negara ini.

“Kita banyak membeli benih (pertanian) dari luar negara, tetapi ada benih sesuai di negara luar dari segi keadaan cuaca, tetapi tidak sesuai ditanam di sini.

“Kita memerlukan benih (pertanian) di negara kita yang sesuai dengan keadaan tanah dan cuaca di negara kita,” katanya.

Menurutnya, benih menjadi asas kepada pengeluaran hasil pertanian dan benih yang berkualiti dan se-

suai akan menjamin peningkatan produktiviti sesuatu tanaman.

Beliau berkata, Mafi melihat industri benih ini sebagai industri yang membuka peluang kerjaya kepada golongan muda.

“Mafi akan memberi tumpuan melalui dasar dan pembabitan pihak swasta dalam industri ini anak-anak muda terus menceburi pelbagai subsektor agromakanan.

“Pembangunan industri benih akan mewujudkan peluang pekerjaan di sepanjang rangkaian pengeluaran benih bermula dari penyelidikan, penanaman sehingga ke peringkat pemasaran,” katanya.

Beliau berkata, Mafi kini merancang menggubal rang undang-undang baharu mengenai benih meliputi kawal selia ke atas semua benih yang terkawal.

Katanya, ia dari segi pemprosesan, pengujian, penjualan, pengedaran, pengimportan, pengeksportan dan memastikan kualiti benih yang dikeluarkan memenuhi syarat.



MOHD Rafi didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan salah guna kuasa dengan meluluskan tender bernilai RM71,694 pada 12 Mei 2019 di Pejabat Perikanan Kelantan di Kota Bharu.

Lulus tender syarikat ipar

Pegawai Jabatan Perikanan dituduh salah guna kuasa babitkan pembekalan RM71,694

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu

Seorang pegawai Jabatan Perikanan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan salah guna kuasa dengan meluluskan tender kepada syarikat milik adik ipar bernilai RM71,694 pada Mei 2019.

Tertuduh, Mohd Rafi Hassan, 56, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatan sebagai Ketua Cawangan Akuakultur di Pejabat Perikanan Kelantan untuk mendapatkan suapan apabila meluluskan tender bagi membekal dan menghantar tangki akuakultur.



Tender itu diluluskan kepada pemilik YY Indafi Enterprise, Yusneffa Yahya yang juga adik ipar tertuduh dengan nilai pembekalan RM71,694. Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Perikanan Kelantan, Kota Bharu pada 12 Mei 2019.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 30 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan

Timbalan Pendakwa Raya Nor Hamidah Ghazali dan tertuduh diwakili peguam Cheah Poh Loon.

Terdahulu, Nor Hamidah memohon jaminan dikenakan RM10,000 dengan seorang penjamin dan meminta syarat dikenakan termasuk menyerahkan pasport tertuduh serta melaporkan diri di pejabat SPRM.

Cheah pula memohon jaminan minimum dikenakan memandangkan anaknya masih bertugas sebagai pegawai jabatan Perikanan di Putrajaya dan tiada sebab untuk tidak memberi kerjasama kepada mahkamah.

Mahkamah kemudian menawarkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin dan meminta tertuduh menyerahkan pasport serta melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat setiap awal bulan.

Mahkamah juga menetapkan 18 Mei sebagai tarikh sebutan semula kes.

Tak mengaku luluskan tender adik ipar

Pegawai Perikanan didakwa salah guna kuasa dapatkan suapan bagi kerja pembekalan tangki akuakultur bernilai RM71,694

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Seorang Pegawai Jabatan Perikanan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dakwaan salah guna kuasa dengan meluluskan tender pembekalan tangki akuakultur bernilai RM71,694 kepada syarikat milik adik iparnya.

Tertuduh, Mohd Rafi Hassan, 56, memohon dirinya dibicarakan oleh mahkamah selepas tuduhan terhadapnya itu dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd Noor.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan jawatan sebagai Ketua Cawangan Akuakultur di Pejabat Perikanan Kelantan untuk mendapatkan suapan apabila meluluskan tender bagi membekal dan menghantar tangki akuakultur bernilai RM71,694 kepada Syarikat YY Indah Enterprise yang dimiliki oleh Yusneffa Yahya iaitu adik ipar perempuan tertuduh.

Kesalahan dilakukan oleh di Pejabat Perikanan Kelantan, Kota Bharu pada 12 Mei 2019.



Mohd Rafi (kiri) ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu pada Isnin.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun serta denda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hamizah Ghazali manakala tertuduh diwakili peguam, Cheah Poh Loon.

Nor Hamizah mencadangkan jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan tertuduh melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Poh Loon dalam rayuan merayu bagi pihak anak guamnya

dibenarkan jamin sebanyak RM5,000 hingga RM8,000 memandangkan tertuduh masih bertugas sebagai pegawai Jabatan Perikanan di Putrajaya.

"Tiada sebab untuk tertuduh tidak memberi kerjasama kepada mahkamah.

"Jadi, saya mohon jaminan yang rendah dikenakan terhadap anak guam saya," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan passport serta melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat setiap awal bulan.

Tertuduh membayar wang jaminan dan kes disebut semula pada 18 Mei depan.

Pegawai perikanan tidak mengaku salah atas pertuduhan salah guna kuasa

Didakwa luluskan tender adik ipar

Oleh MUHAMMAD AYMAN
CHAFFA

KOTA BHARU – Seorang pegawai perikanan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan salah guna kuasa dengan meluluskan tender pembekalan tangki akuakultur bernilai RM71,694 kepada syarikat milik adik iparnya dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Rafi Hassan, 56, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zaman Mohd. Noor.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa telah mengurnakan jawatan sebagai Ketua Cawangan Akuakultur di Pejabat Perikanan Kelantan untuk mendapatkan suapan apabila meluluskan tender bagi membekal dan menghantar tangki akuakultur.

Tender itu dihuskan kepada

pemilik YY Indah Enterprise iaitu Yusneffa Yahya yang merupakan adik iparnya dengan nilai pembekalan sebanyak RM71,694.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh di Pejabat Perikanan Kelantan, Kota Bharu pada 12 Mei 2019.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hamizah Ghazali, manakala tertuduh ditwakili peguam, Cheah Poh Loon.

Terdahulu, Nor Hamizah memohon jaminan dikenakan sebanyak RM10,000 dengan se-

orang penjamin beserta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Poh Loon dalam rayuan memohon jaminan sebanyak RM5,000 hingga RM8,000 mandangkan anak guamnya masih bertugas sebagai pegawai Jabatan Perikanan di Putrajaya.

"Sehubungan itu, tiada sebab untuk tertuduh tidak memberi kerjasama kepada mahkamah. Jadi, saya mohon jaminan yang rendah dikenakan terhadap anak guam saya," jelasnya.

Mahkamah membenarkan jaminan sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport selain melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat setiap awal bulan.

Tertuduh membayar jaminan yang ditetapkan dan kes disebut semula pada 18 Mei depan.



MOHD. RAFI (kiri) mengaku tidak bersalah atas pertuduhan salah guna kuasa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam.

Headline	Officer denies approving tender to relative's firm		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	30 Mar 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	72 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 201
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 602



Officer denies approving tender to relative's firm

KOTA BHARU: A Fisheries Department officer pleaded not guilty in the Sessions Court here on Monday to a charge of misusing his power to approve a tender worth RM71,694 to a company owned by his sister-in-law in May 2019.

Mohd Rafi Hassan, 56, claimed trial after the charge was read out before Judge Zaman Mohd Noor.

According to the charge sheet,

he allegedly used his position as aquaculture branch chief at the Kelantan Fisheries Office to gain gratification when approving the tender to supply and deliver aquaculture tanks.

The offence was committed at the Kelantan Fisheries Office near here on May 12, 2019 and the RM71,694 tender was given to the owner of TT Indah Enterprise, Yusneffa Yahya, who is the sister-in-law of the accused.

The charge under Section 23(i) of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 is punishable under Section 24 of the same act, which provides for a jail sentence of not more than 20 years and a fine not less than five times the amount or value of the gratification, whichever is higher.

The court set May 18 for mention. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.03.2021	KOSMO	NEGARA	14



SEBAHAGIAN daripada 13 nelayan sedang menaikkan ikan menggunakan pukak jerut sebelum diberkas di Pulau Pangkor Jumaat lalu.

Undang padah guna pukak jerut

LUMUT – Tindakan haram 13 nelayan termasuk seorang tekong menangkap ikan di kawasan larangan mengundang padah apabila kesemuanya diberkas ketika sedang memungkah hasil laut di pesisiran pantai dekat Teluk Sekadeh, Pulau Pangkor Jumaat lalu.

Kesemua nelayan menaiki bot kelas A berusia antara 18 hingga 75 tahun tersebut ditahan pada pukul 6 petang selepas sepasukan Maritim Malaysia (APMM) terserempak dengan mereka dalam keadaan mencurigakan.

Pengarah APMM Perak, Kepten Maritim Shahrizan Ramon berkata, bot nelayan itu dikesan berada pada kedudukan 0.7 kilometer (km) dari Teluk Sekadeh.

"Kumpulan nelayan itu disyaki menangkap ikan di bawah 5.5km dengan menggunakan pukak jerut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kesemua nelayan itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Akta Perikanan 1985. Bot mereka pula dibawa ke

Pusat Tahanan Vesel Kampung Bharu Sitiawan dekat sini.

Menurut Shahrizan, penahanan itu membuktikan bahawa APMM sentiasa bersiap siaga dalam menguatkuasakan undang-undang bagi membendung kegiatan jenayah di laut meskipun Perak masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan.

Orang ramal diminta menyalurkan maklumat kepada Pusat Operasi Maritim Negeri Perak di talian **05-6838737** atau MERS 999.



Rampas

ANGGOTA Pasukan Gerakan AM (PGA) mengawal pelbagai jenama beras yang diseluput dengan anggaran berat 26 tan bernilai RM2,659,474.00 di Gudang Padiberas Nasional Berhad, Pelabuhan Klang, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI (Berita di muka 12)

Warga asing kuasai ladang sayur

OMH ZAID MOHD. NOOR,
HASLIZA NUSI dan
OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Warga asing terutamanya Bangladesh dan Indonesia semakin ramai 'melanggar' sektor selain daripada yang dibenarkan mereka bekerja di negara ini termasuk mubai menguasai ladang-ladang sayur khususnya di utara tanah air.

Jika dahulu mengambil upah tetapi kini mereka meneroka tanah milik penduduk tempatan selain menjadi tauke kebun sayur-sayuran.

Malah mereka juga menjual sayur-sayuran di pasar tempatan dengan harga yang lebih murah.

Bersambung di muka 10

Hasil tanam sayur lumayan

Oleh NOOR HASLIZA MUSI
utusannews@mediamail.com.my

BALIK PULAU: Pendetang asing warga Bangladesh memilih untuk mengusahakan tanah kebun milik warga tempatan kerana pekerjaan itu menjamin pulangan yang berbaloi dan mampu memberikan kehidupan selesa.

Mereka yang ditemui *Utusan Malaysia* di Pulau Betong, di sini memberitahu, mengusahakan tanaman sayur-sayuran menjanjikan pendapatan yang lumayan daripada makan gaji sebagai buruh atau pekerja kontrak.

Mereka mengakui mampu menjana pendapatan sehingga empat angka.

Tinjauan mendapati tanah pertanian yang diusahakan itu meliputi keluasan lebih 0.2 hektar dengan pelbagai hasil tanaman.

Antaranya bayam hijau, merah, timun, kacang panjang, kangkung, sawi, peria, kubis, petola serta bendi.

Seorang pengusaha kebun di Titi Teras, Md. Ali, 43, berkata, pengalaman bercucuk tanam di tanah milik rakannya di negara asal memberi peluang kepadanya mengusahakan beberapa kebun di negeri ini sejak 13 tahun lalu.

Menurut bapa kepada dua cahaya mata itu, pendapatan pengeluaran sayur-sayuran termasuk tanaman padi di Bangladesh adalah RM400 sebulan.

"Jumlah itu berbeza dengan apa yang saya dapat hari ini. Saya sanggup pinjam RM8,000 daripada keluarga semata-mata mahu mencari kerja di Pulau Pinang 13 tahun lalu.

Tambahnya, dia mula mengusahakan tanah kebun milik penduduk tempatan di Balik



SEORANG warga asing mengusahakan kebun sayur di Balik Pulau, Pulau Pinang. - UTUSAN/ MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

Pulau bersama seorang rakyat tempatan sejak tujuh tahun lalu.

"Cukup masa, semua sayur akan dikutip dan dijual kepada peniaga pasar di kawasan ini setiap petang," ujarnya.

Difahamkan, tanah-tanah milik penduduk tempatan itu yang sebelum ini kosong disewa RM400 sebulan dan pemiliknya tidak mampu mengusahakannya disebabkan faktor usia.

Jelas Md. Ali, permintaan daripada peniaga pasar membantu menambah pendapatan melebihi RM3,000 sebulan.

Namun katanya, jumlah

tersebut perlu dibahagikan dengan rakan kongsi termasuk membayar gaji dua pekerja, sewa tanah dan pembelian baja serta peralatan pertanian.

Tambahnya, harga bagi setiap jenis sayur-sayuran juga tidak sama iaitu serendah RM1 bagi setiap kilogram selain faktor mengikut cuaca atau musim.

Difahamkan, akan berlaku kenaikan harga pada musim hujan berbanding pada musim panas.

Syahr Alif, 44, berkata, mengusahakan kebun sayur memberi kepuasan dan kesenangan buatnya berbanding bekerja se-

bagai kontrak binaan.

"Boleh senang jika buat betul-betul. Hasil jualan tanaman sayur-sayuran seperti kangkung, sawi, bayam, kacang panjang dan bendi kini boleh dapat sehingga RM60 sehari.

"Setiap bulan, saya akan hantar duit RM1,000 kepada keluarga di kampung. Saya juga tunggu masa hendak pulang bertemu mereka kerana sudah lapan tahun berada di Malaysia," katanya.

Syahr berkata, sayur yang ditanamnya itu akan dijual serendah 80 sen sekilogram kepada peniaga pasar.

Harga dijual murah

BALIK PULAU: Pelanggan termasuk penduduk Kampung Titi Teras di sini mengakui sayur-sayuran yang dijual oleh warga Bangladesh lebih murah dan segar.

Rata-rata mereka sanggup datang membeli sendiri di kebun yang diusahakan warga asing itu kerana harga yang dikatakan lebih murah berbanding di pasar dan kedai runcit.

Penduduk kampung, Mohd. Redzuan Abdullah Zawawi, 37, berkata, dia lebih selesa membeli sayur-sayuran yang diusahakan warga Bangladesh kerana harga yang murah dan hasil tanaman yang berkualiti.

"Seikat kangkung dan kacang panjang dijual RM2 manakala peniaga pasar atau kedai runcit pula akan mengikut harga timbangan berat.

"Lebih berbaloi dan menjimatkan masa kerana tidak perlu pergi jauh untuk membelinya. Sayur juga boleh dikutip dari kebun," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail memberitahu, penduduk tempatan seharusnya mencontohi usaha warga asing terbahit dalam mengusahakan tanah terbiar di kawasan Balik Pulau.

"Tanah di kawasan Balik Pulau merupakan lokasi pertanian yang subur dan sesuai untuk tanaman sayur-sayuran.

"Apa yang kita lihat, warga asing menjalakan aktiviti pertanian secara tradisional dengan menggunakan sistem pembajaan yang berseesuaian.

"Sekiranya penduduk tempatan mengambil manfaat dengan apa yang dilakukan mereka, pastinya juga akan memperoleh hasil pendapatan yang berbaloi," katanya.

Warga asing kuasai ladang sayur

Dari muka 1

Paling ketara, keadaan itu berlaku di kawasan Balik Pulau, Pulau Pinang dan di Kulim dan Sungai Petani di Kedah.

Mengapa mereka mudah menjadi pengusaha? Ini disebabkan mereka menggunakan konsep 'Alibaba' yang turut menguntungkan pemilik tanah yang juga warga tempatan yang mahu untung yang cepat tanpa perlu berpenat lelah.

Namun, konsep ini boleh meyakinkan diri apabila semakin luas kawasan pertanian yang

akan didominasi warga asing yang sudah tentunya para pekerja terdiri daripada kalangan mereka.

Di Pulau Pinang, warga asing terutamanya dari Bangladesh berpendapat, mengusahakan tanaman sayur-sayuran lebih berbaloi daripada bekerja makan gaji sebagai buruh binaan atau pekerja kontrak.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, tanah pertanian yang diusahakan beberapa warga Bangladesh berkenaan ditanam dengan pelbagai hasil tanaman hijau yang segar.

Antara sayuran yang ditanam adalah bayam hijau dan merah, timun, kacang panjang, kangkung, sawi, peria, kubis, petola serta bendi.

Bukan setakat itu, susunan tanaman juga dikelaskan mengikut jenis sayur-sayuran dengan deretan batas yang tersusun kemas serta selari.

Penguasaan warga asing itu turut didedahkan oleh Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Che Ani Mat Zain.

Sebelum ini, katanya, golongan berkenaan didapati me-

ngusahakan kebun sayur di tanah milik kerajaan dan tanah penduduk tempatan.

Malah, beliau memberitahu, sebahagian daripada mereka juga menanam sayur di bawah talian elektrik voltan tinggi.

Difahamkan sebelum ini kira-kira 50 warga Bangladesh di sekitar negeri ini yang mengusahakan kebun sayur tetapi di kawasan yang tidak begitu luas.

Mereka menanam sayur untuk dijual kepada beberapa pemborong dan mendapat hasil yang lumayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.03.2021	KOSMO	NEGARA	16

25 tan beras berkualiti tinggi di seludup dari India

PGA rampas beras

Basmathi Pusa RM2.5j

KLANG – Kegiatan seorang penjaga stor warga India yang menjadi orang tengah penyeludupan beras dari negara itu sejak enam bulan lalu terbongkar dalam serbuan di sebuah premis di Jalan Telok Gadong di sini kelmarin.

Dalam serbuan Ops Kontraban pada pukul 12.10 tengah malam itu turut menahan dua lagi lelaki yang kesemuanya berusia 26 hingga 38 tahun.

Turut dirampas adalah 26 tan beras pelbagai jenama termasuk beras berkualiti tinggi, Basmathi Pusa bernilai RM2.5juta.

Pegawai Pemerintah Batalion 4 Pasukan Gerakan Am, Superintendan Rizal Mohamed berkata, pihaknya terlebih da-

hulu menahan tiga lelaki termasuk warga India dalam keadaan mencurigakan yang memunggah guni berwarna putih dari sebuah kontena ke stor premis itu.

Katanya, pemeriksaan kemudiannya menemui 259 kampil beras, 78 guni beras dan 60 kotak beras pelbagai jenama seberat 13 tan dipercayai diseludup dalam treler kontena itu.

"Hasil pemeriksaan lanjut di gudang premis itu pula menemui 459 kampil beras, 200 kotak beras dan 214 guni beras lagi dengan anggaran berat 13 tan.

"Keseluruhan anggaran nilai rampasan sebanyak RM2,659,474," kata Rizal pada sidang akhbar di Padiberas Na-

sional Berhad di sini semalam.

Rizal berkata, siasatan lanjut mendapati kesemua suspek bekerja di premis itu dengan lelaki warganegara India bekerja sebagai penjaga stor.

Hasil siasatan lanjut mendapati, lelaki warga India itu menjadi orang tengah antara sindiket di negara ini dengan pembekal beras dari India.

"Beras Basmathi Pusa sangat popular di India," tambah beliau.

Kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 (Akta 552) dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sebanyak RM25,000 dan semua barangan dirampas.



SEBAHAGIAN beras dari India yang dirampas dalam Ops Kontraban di sebuah premis di Jalan Telok Gadong, Klang kelmarin.

PGA rampas beras seludup RM2.56 juta

Pelabuhan Klang: Batalion 4 Pasukan Gerakan Am (PGA) Brigid Tengah merampas 26 tan beras seludup dipercayai dari India bernilai RM2.56 juta termasuk cukai di sebuah stor di sini, Sabtu lalu.

Pegawai Pemerintah Batalion 4 PGA, Superintendan Rizal Mohamed, berkata menerusi Op Kontraban itu, tiga lelaki berusia 26 hingga 38 tahun termasuk seorang lelaki warga India ditahan.

"Serbuan pertama dilakukan pada jam 12.10 tengah hari di sebuah stor di Telok Gadong dan menahan tiga individu yang sedang memunggah guni berwarna putih ke dalam sebuah lori kontena.

"Hasil serbuan, pasukan menemukan pelbagai jenama beras seberat 13 tan dipercayai tidak bercukai. Anggaran harga semasa beras yang dirampas adalah RM584,700 dengan cukai berjumlah RM762,180," katanya pada sidang media di Padiberas Nasional Berhad di Taman Perindustrian Bandar Sultan Suleiman, semalam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan selanjutnya, pasukan menemui 13 tan beras dianggarkan bernilai RM516,670, manakala cukai dianggarkan berjumlah RM698,424.

"Hasil rampasan keseluruhan membabitkan 26 tan beras dan sebuah lori kontena dianggarkan berjumlah RM2.65 juta," katanya.

Rizal berkata, lelaki warga India yang ditahan dipercayai menjadi orang tengah dan mempunyai hubungan dengan pembekal beras di negara terbabit.

Katanya, beras berkenaan dipercayai dibawa masuk untuk pasaran dalam negara dan dipercayai dijual di kedai runcit serta pasar raya kecil.

Beliau berkata, tangkapan dan rampasan ini sekali gus memutuskan antara rangkaian sindiket pengedaran beras seludup serta tidak bercukai di sekitar kawasan Klang.

"Semua tangkapan dan rampasan dibawa ke Balai Polis Klang untuk proses dokumentasi dan laporan polis," katanya.



Rizal (kanan) menunjukkan beras yang dirampas dalam Op Kontraban di Padiberas Nasional Berhad, semalam. (Foto BERNAMA)

30.03.2021

SINAR HARIAN

MAHKAMAH &

21

JENAYAH

PGA rampas 26 tan beras bernilai lebih RM2.6 juta

KLANG - Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tengah berjaya merampas 26 tan beras seludup dan tidak bercukai bernilai lebih RM2.6 juta dalam serbuan ke atas sebuah treler dan sebuah gudang di sekitar Pelabuhan Klang pada Sabtu.

Operasi yang dijalankan itu berjaya melumpuhkan sindiket penyeludupan beras yang dipercayai didalangi warga tempatan serta warga asing.

Pegawai Pemerintah Batalion 4 Pasukan Gerakan Am, Superintendan Rizal Mohamed berkata, serbuan pertama yang dijalankan pihaknya telah menaham tiga individu dalam keadaan mencurigakan sedang mungghah gumi berwarna putih dari sebuah kontena ke dalam sebuah stor di



Rizal (kanan) menunjukkan antara beras yang dirampas dalam operasi yang dijalankan di sekitar Pelabuhan Klang pada Sabtu.

Jalan Telok Gadong, Pelabuhan Klang. "Serbuan dijalankan berjaya menahan dua lelaki warga tempatan berumur 37 dan 38 tahun serta seorang lelaki warga asing berumur 26 tahun. "Sebanyak 78 guni beras, 259 kampil beras dan 60 kotak beras pelbagai

Berhad (Bernas) di Pelabuhan Klang di sini pada Isnin.

Katanya, hasil pemeriksaan di gudang menemukan 214 guni beras, 459 kampil beras dan 200 kotak beras pelbagai jenama dipercayai tidak bercukai dengan berat 13 tan.

"Anggaran harga semasa beras tersebut adalah RM516,670 dengan nilai cukai sebanyak RM698,424 dan jumlah keseluruhan rampasan bernilai RM1,215,094.

"Jumlah keseluruhan anggaran nilai rampasan beras tidak bercukai ini melibatkan berat 26 tan bersama sebuah treler adalah sebanyak RM2,659,474," katanya.

"Kesemua tangkapan dan rampasan dibawa ke Balai Polis Klang untuk proses dokumentasi dan laporan polis," katanya.



The centre's residents tilling the adjacent plot to grow more vegetables.

Some of the homeless not showing interest in taking up farming

> FROM PAGE 1

They decided to plant cucumber and corn as these are fast-growing vegetables.

However, the reality is that not everyone staying at the shelter is enthusiastic about farming.

In acknowledging that fact, DBKL is working with the National Welfare Foundation (YKN) to motivate some of the residents to give farming a try.

DBKL Corporate Planning director Khairul Azmir Ahmad said City Hall officers had interviewed the homeless prior to selecting them for this pilot project.

"The people who were selected had initially shown some interest in farming, but when they realised the work involved, some left the centre of their own accord.

"The remaining residents prefer to observe others farm the land before deciding whether they want to do it themselves.

"It is not easy changing their mindset. It takes a lot of discipline.

"That is the reason we are working with YKN to get the centre's residents to participate in games and activities that require teamwork such as solving puzzles, in hopes it will stir their interest," he explained.

Kuala Lumpur and Selangor Association for the Homeless and Needy chairman Rashdan Rashid said learning the basics of farming was not something that could be done overnight.

"So this is the best place for them to start.

"At this centre, they can learn the basics of agriculture and farming and put that knowledge into practice.

"Those who are successful, can make a career out of farming," he pointed out.

The association, which was set up in 2013, aims to help the underprivileged learn skills to become independent.

Rashdan, who is also president of Lestari Alam Malaysia which is an association pro-



The Anjung Kelana transit centre, which was set up at the end of February, is the brainchild of the FT minister. — Photos: YAP CHEE HONG/The Star



Khairul: It is not easy to change the mindset of the homeless.



Rashdan: The transit centre is the best place for the homeless to learn farming.


moting sustainable living, said those who were interested would be given the chance to cultivate other plots of land in the city to generate an income.

"This will allow them to stand on their own two feet so they will no longer need to sleep on the streets again," he added.

The idea of training the homeless com-

munity in farming was first mooted by Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa in January.

The city's homeless shelters had first focused on job matching while those who cannot get a job will be trained for farming at the Taman Desa centre, which was opened on Feb 28.



Cultivating independence:
A resident of Anjung Kelana in Kuala Lumpur preparing cucumber seedlings in polybags.
— YAP CHEE HONG/The Star

By **BAVANI M**
bavanim@thestar.com.my

IT HAS been almost a month since Ananda Raja came to stay at Anjung Kelana in Taman Desa, Kuala Lumpur.

Anjung Kelana is a transformation centre for the homeless, which is a pilot project initiated by Federal Territories Ministry and managed by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to home, rehabilitate and transform the lives of people who have been rescued from the streets of Kuala Lumpur.

"I sleep better at night. I am warm, comfortable and safe," said the 51-year-old who hails from Labuan.

"Here, I am learning how to farm," said Ananda, adding that he had so far learnt fertigation and tips on planting all kinds of vegetables.

Similarly, 37-year-old Faizal Abdullah, from Pulau Pangkor, feels he has been given a second chance to make something of his life.

The residents wake up at 7 am every day and spend one to two hours twice a day, doing farm work on a plot of land located next to the homeless centre.

They have recently planted cucumbers and corn and are expecting their first crop in a few months' time.

Both Ananda and Faizal as well as a few other residents of Anjung Kelana are being

Growing jobs for the homeless

KL centre equips community with farming skills so they can earn a living and in turn, impart their knowledge to others

trained to become the pioneer "Kebun Hijrah Warriors".

They in turn will later train and motivate other homeless people keen to learn farming as a means to earn a living, become independent and get off the streets permanently.

The group at the centre was rescued by DBKL in January when the government implemented the second movement control order to curb the spread of Covid-19.

Ananda was sleeping on the walkway in Brickfields when he was picked up.

"I came to Kuala Lumpur from Labuan for work last year, and found a job as a security guard.

"I had worked for the company for six months when I was suddenly dismissed," he said, adding that he was not paid his last salary.

"I could not pay my rent and with no money for food, I ended up sleeping on the streets," Ananda said, adding that he had been homeless for over a year before he was brought to the DBKL shelter.

Faizal had a similar story to share - of

being dismissed from work with no pay and forced to sleep on the streets while relying on food distributed by Good Samaritans to survive.

Both men are keen to learn farming and have expressed gratitude to be given the opportunity to earn their keep.

Together with 37 other homeless people, they are currently being guided in cultivating the 0.4ha of land near the centre.

> TURN TO PAGE 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.03.2021	THE SUN	MUKA DEPAN	1



theSun

TELLING IT AS IT IS

ON TUESDAY MARCH 30, 2021
 No. 7750 PP 2644/12/2012 (031195)
 www.thesundaily.my

INSIDE

Joint efforts vital to fight pandemic: PM

page 2

'Kedah, Penang should talk to each other'

page 3

DUTY NOT PAID ...
 A General Operations Force officer with 26 tonnes of smuggled rice valued at more than RM2.65 million seized from a lorry, during a media conference at the warehouse of Padi Beras Nasional Berhad in Port Klang yesterday.
 ASYRAF RASID/THE SUN



RIZAL (tiga dari kanan) bersama Ketua Pengarah Pencegahan dan Pemantauan Beras, Datuk Muhamad Shahril Adnin (dua dari kanan) dan Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Negeri, Mohamad Ashik Abdul Rahman pada sidang media di Gudang Padiberas Nasional Berhad di Pelabuhan Klang, semalam.

Seludup beras India **RM2.56j**

PGA rampas 26 tan beras, tahan tiga individu dalam serbuan di sebuah stor di Telok Gong

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Batalion 4 Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tengah merampas 26 tan beras seludup dipercayai dari India bernilai RM2.56 juta dalam satu operasi di sebuah stor di Jalan Telok Gong di sini, Sabtu lalu.

Pegawai Pemerintah Batalion 4 PGA, Superintendan Rizal Mohamed berkata, tiga lelaki berusia 26 hingga 38 tahun termasuk seorang lelaki warganegara India turut ditahan dalam Op Kontraban Itu.

"Serbuan dilakukan pada jam 12.10 tengah hari dan kita menahan tiga individu yang sedang memunggah goni berwarna putih ke dalam sebuah lori kontena.

"Hasil serbuan, kami menemui pelbagai jenama beras seberat 13 tan dipercayai tidak bercukai.

"Anggaran harga semasa beras yang dirampas adalah RM584,700 dengan cukai berjumlah RM762,180," katanya pada sidang media di Padiberas Nasional Berhad di Taman Perindustrian Bandar Sultan Suleiman di sini, semalam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan di dalam stor, pihaknya menemui 13 tan beras yang dianggarkan



PELBAGAI jenama beras tidak bercukai yang dirampas.



Hasil rampasan keseluruhan yang membabitkan 26 tan beras serta sebuah lori kontena dianggarkan berjumlah RM2.65 juta"

Rizal Mohamed

bernilai RM516,670 dengan nilai cukai dianggarkan berjumlah RM698,424.

"Hasil rampasan keseluruhan yang membabitkan 26 tan beras serta sebuah lori kontena dianggarkan berjumlah RM2.65 juta," katanya.

Rizal berkata, lelaki warga India yang ditahan dipercayai menjadi orang tengah dan mempunyai hubungan dengan pembekal beras di negara terbabit.

Beliau berkata, tangka-

pan dan rampasan ini sekali gus memutuskan satu daripada rangkaian sindiket pengedaran beras seludup serta tidak bercukai di sekitar kawasan Klang.

Katanya, beras berkenaan dipercayai dibawa masuk untuk pasaran dalam negara dan dipercayai dijual di kedai runcit serta pasar raya kecil.

"Semua tangkapan dan rampasan dibawa ke Balai Polis Klang untuk proses dokumentasi dan laporan polis.

"Tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Kawal Selia Padi dan Beras Selangor atas kesalahan mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sebanyak RM25,000 dan semua barangan dirampas," katanya.

Varia

Oleh TOREK SULONG

BERMULA dengan hobi pada masa senggang di hujung minggu dengan menternak arnab secara kecil-kecilan, akhirnya memberi laluan buatnya menjual daging dan baka kepada penggemar arnab di seluruh negara.

Khuwarizmi Ab. Rashid, 30, berkata, permintaan terhadap daging arnab untuk sate dan daging perap unish sangat tinggi selain permintaan daripada penggemar arnab untuk dipelihara sebagai haiwan kesayangan.

Menurutnya, selepas terpaud dengan usaha menternak arnab, dia kini turut memfokuskan penghasilan baka asli (pure breed) melibatkan kakukan arnab tempatan dengan arnab import yang mampu menghasilkan pengeluaran daging dalam tempoh singkat.

"Tidak kenal muka tak cinta. Ada yang tidak pernah mengecapi daging arnab akan mengatakan tidak sanggup untuk menelannya. Namun selepas menikmati ibu jari pasti terangkat dengan tandaan 'bagus' kerana rasanya manis dan memang sedap dimakan.

"Bukan calang-calang harga untuk setiap kilogram daging arnab. Ia lebih mahal berbanding sekilogram daging lembu di pasaran.

"Cuma yang berbeza, daging lembu boleh dibeli dengan mudah di mana-mana gerai tetapi daging arnab hanya dijual di rumah penternaknya selain tempahan secara dalam talian atau daripada pengusaha sate," ujarnya ketika ditemui di lokasi penternakan arnab di Kampung Gong Kedak, Pasir Puteh, Kelantan baru-baru ini.

Khuwarizmi memilih untuk menternak baka dari Amerika Syarikat seperti Standard Rex California, Netherland Dwarf, Californian, New Zealand Broken Black, Mini Rex dan lain-lain yang masing-masing memiliki keunikan tersendiri.

Terbaharu, katanya, dia membelanjakan hampir RM5,000 untuk membeli baka baharu dari Jerman iaitu dua arnab betina German Giant yang boleh mencecah beratnya sehingga 12 kilogram pada usia lapan bulan.

"Saya memproses sendiri daging arnab untuk memenuhi permintaan semasa dengan menetapkan harga RM28 sekilogram karkas, daging tanpa tulang RMSO sekilogram dan RM12 sekilogram untuk jualan arnab hidup.

"Saya mula menternak sejak setahun lalu dengan koleksi terkini sebanyak 50 ekor arnab kakukan dan 35 arnab import yang dibela khusus di dalam ban (sangkan khas) dengan penggunaan alat penapis udara bagi memastikan kitaran udara yang bersih," ujarnya.

Tambah Khuwarizmi lagi, harga seekor baka arnab dari luar negara mencecah AS\$300 (RM1,244) dan caj penerbangan untuk seekor arnab ialah RM370 belum termasuk caj penginapan hotel haiwan, permit dan kos pengangkutan untuk sampai ke Kampung Gong Kedak.

"Arnab baka Mat Salleh yang berasal dari California akan diterbangkan dari Los Angeles terus ke Lapangan Terbang



ARNAB betina kakukan tempatan dilepaskan seketika di dalam sangkar terbuka sebelum diberi peluang mengawan dengan baka pejantan yang diimport.

Rezeki Khuwarizmi hasil penternakan arnab



KHUWARIZMI bersama arnab betina New Zealand Broken Black seberat lima kilogram yang diternak di dalam sangkar tertutup di Kampung Gong Kedak, Pasir Puteh, Kelantan.

Antarabangsa Kuala Lumpur sebelum menginap di hotel haiwan. Sehingga kini saya telah membelanjakan sebanyak RM30,000 untuk membeli arnab selain membina sangkar halwan," ujarnya.

Dalam proses membiakkan baka arnab, Khuwarizmi berkata, selain sangkar induk, penternak juga wajib menyediakan 'kotak didik' yang penting untuk memelihara anak arnab yang baru lahir sehingga berumur empat minggu.

Menurutnya, dalam tempoh waktu didikan, ia agak mencabar kerana kematian anak arnab mudah berlaku

ARNAB Rex Tricolor merupakan antara arnab ternakan Khuwarizmi yang memiliki bulu cantik dan menarik.

terutama dalam persekitaran yang sejuk selain ancaman ibu kandung sendiri.

Khuwarizmi berkata, ramai yang terpegun apabila melihat kelicikan kawan arnab lantas menggamit minat seseorang untuk memilikinya, namun ia tidak semudah yang disangka kerana ilmu penternakan harus dipelajari terlebih dahulu khususnya kaedah didikan dan ancaman penyakit yang boleh menyebabkan kematian arnab.

"Selain mengikuti kursus khas, para penternak juga sering bertukar-tukar pengalaman dalam memastikan arnab yang diternak sentiasa sihat dan mudah memblak.

"Kami tidak kedekut berkongsi ilmu," ujarnya.

Beliau berkata, selain makanan pelet yang diberi mengikut sukatan, arnab juga turut diberi makan sejenis rumput yang diimport iaitu Timothy Hay.

Katanya, menjadi kelaziman bagi penternak arnab komersial bernaung di bawah sebuah persatuan iaitu Malaysian Rabbit Breeder Association (MARBA) bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan.



PADI BUKIT

- » Penanaman padi bukit dilakukan di kawasan yang bertanah pamah dan juga di lereng-lereng bukit.
- » Padi sawah pula ditanam di kawasan yang alnya bertakung.
- » Penanaman padi bukit tidak memerlukan penjagaan yang rapi dan taburan hujan yang banyak berbanding padi sawah yang memerlukan sumber pengairan yang banyak.
- » Padi bukit mempunyai hasil yang rendah dan kurang bermutu disebabkan ianya ditanam dengan cara tradisional dan kurang menggunakan peralatan moden.
- » Padi bukit banyak ditanam Sabah dan Sarawak. Di semenanjung pula, padi itu ditanam oleh orang-orang asli di kawasan pedalaman yang berbukit bukau.

Mengharap bantuan kerajaan

BIARPUN proses penanaman padi dilakukan secara tradisional, jauh di sudut hati, mereka turut mahu mempraktikkan kaedah moden yang pastinya menjanjikan pulangan lebih lumayan.

Mereka mengharapkan pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) atau Jabatan Pertanian dapat membantu menyediakan alatan yang moden untuk memproses padi bukit supaya proses berkenaan lebih menjimatkan masa.

Suri rumah, Awin Satu, 40 memberitahu mereka masih lagi menggunakan cara tradisional termasuklah menumbuk padi menggunakan lesung yang dibuat daripada kayu.

"Cuaca panas sejak pertengahan Januari lalu memberi rezeki kepada kami di sini yang mula menuai padi bukit.

"Bagaimanapun banyak proses perlu dilalui kerana kami masih lagi menghasilkan beras menggunakan cara tradisional.

"Kami berharap pihak Jakoa dapat membantu menyediakan peralatan lebih moden untuk memproses padi bukit," katanya.

Masih guna kaedah tradisional

PROSES menanam padi bukit sangat berbeza dengan proses menanam padi sawah.

Menanam padi bukit lebih mencabar kerana cara penanaman secara tradisional menggunakan tenaga tulang empat kerat berbanding peralatan moden masih berlangsung.

Lazimnya satu hektar padi bukit yang dihasilkan 10 keluarga Orang Asli mampu memperoleh secara purata sebanyak satu tan beras.

Seorang penduduk, Asona Arau, 42, ketika ditemui, memberitahu setiap keluarga Orang Asli mampu menuai hasil sebanyak 20 gumi pada musim ini.

Ujarnya hasil tuaian sebanyak itu mampu menampung keperluan keluarga sehingga tempoh setahun.

"Padi boleh dituai apabila butir padi mula nampak kekuningan. Kami akan kerat kepala padi dan kita jemurnya kering terlebih dahulu sebelum padi diketuk bagi meleraikan daripada tangkai.

"Padi itu kemudiannya akan ditumbuk bagi menceral kulit padi dan beras," katanya memperincikan proses bagi mendapatkan makanan ruji penduduk tempatan itu.



Lazimnya satu hektar padi bukit yang dihasilkan 10 keluarga Orang Asli mampu memperoleh secara purata sebanyak satu tan beras."

SEORANG wanita Orang Asli menumbuk padi bukit yang dituai di Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan.



MASYARAKAT Orang Asli gembira padi bukit yang ditanam kini sudah boleh dituai.



PENANAMAN padi bukit diusahakan masyarakat Orang Asli sejak turun-temurun untuk menampung bekalan makanan mereka. Hasil tuai mampu menampung keperluan keluarga sehingga tempoh setahun.



SEORANG wanita Orang Asli menampi padi bukit. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Oleh **AIMUNI TUAN LAH**
gayautusan@mediamulla.com.my

PADI Huma atau lebih dikenali sebagai padi bukit merupakan sejenis padi yang ditanam di kawasan tanah mineral atau tanah tanpa genangan air di kawasan lereng bukit.

Menanam padi bukit merupakan salah satu kegiatan pertanian utama yang dijalankan oleh suku kaum Orang Asli di Gua Musang, Kelantan yang tinggal di kawasan pedalaman.

Tanaman itu diusahakan sejak turun-temurun untuk menampung bekalan makanan mereka.

Bagi 246 keluarga Orang Asli di Pos Bihai di sini, cuaca panas ketika ini memberi rahmat buat mereka apabila tiba musim untuk mereka menuai padi bukit.

Penghulu Pos Bihai, Alang Segan berkata, masyarakatnya seawal usia remaja dilatih mengusahakan padi bukit sebagai tanaman untuk makanan keluarga.

Katanya, padi bukit yang ditanam pada bulan Ogos dan September tahun lalu sudah mulai masak dan boleh dituai.

"Kami mengusahakan tanaman padi bukit kerana sukar untuk mendapatkan

Menuai padi bukit bagaikan pesta

“ Kami mengusahakan tanaman padi bukit kerana sukar untuk mendapatkan bekalan beras berikutan jarak kedudukan kampung beratus kilometer jauh dari kawasan bandar Gua Musang.”

bekalan beras berikutan jarak kedudukan kampung beratus kilometer jauh dari kawasan bandar Gua Musang.
"Hasil padi bukit yang diusahakan dapat

menampung keperluan keluarga sehingga tempoh setahun," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tanaman padi itu ditanam selama lima hingga enam bulan sebelum hasilnya dapat dituai berbanding padi sawah sekitar tiga bulan sahaja.

Alang berkata, selain padi bukit, mereka turut menanam ubi kayu, jagung dan keladi yang menjadi makanan ruji mereka.

Katanya, penduduk kampung bersama ahli keluarga akan menjaga kawasan tanaman padi bukit ini terutama ketika bulan terakhir apabila padi hampir masak.

"Kami bekerjasama bermula daripada menuai padi sehinggalah proses menampi padi yang dilakukan secara tradisional," katanya.

MASYARAKAT Orang Asli mempraktikkan proses padi bukit secara tradisional.

